

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	<b>Mengenai produk CBP MyDental Care</b>	<p>CBP MyDental Care diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan mulut dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui perkhidmatan pergigian ini, pengguna dapat menikmati manfaat dan kemudahan rawatan pergigian yang merangkumi konsultasi dan rawatan asas <i>Scaling</i> beserta <i>Polishing</i>.</p>
2.	<b>Apakah manfaat-manfaat produk CBP MyDental Care?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Satu (1) kali penebusan setahun bagi konsultasi pergigian</li> <li>(ii) Satu (1) kali penebusan setahun bagi rawatan asas <i>Scaling &amp; Polishing</i></li> <li>(iii) Satu (1) kali penebusan setahun untuk 35 jenis Ujian Darah di mana mana cawangan Pathlab</li> <li>(iv) Diskaun istimewa untuk rawatan pergigian di klinik-klinik panel Inova Care</li> </ul>
3.	<b>Berapakah harga produk CBP MyDental Care?</b>	<p>Produk CBP MyDental Care ditawarkan pada harga RM128 sahaja.</p>
4.	<b>Bagaimana cara untuk saya melanggan produk CBP MyDental Care?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelanggan boleh melanggan produk ini di mana-mana cawangan Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP) bermula dari 5 Jun 2026.</li> <li>(ii) Pelanggan boleh mengimbas kod QR yang disediakan oleh cawangan CBP atau staf jualan CBP untuk membuat pembelian secara dalam talian.</li> </ul>
5.	<b>Apakah syarat kelayakan untuk melanggan produk CBP MyDental Care?</b>	<p>Produk ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan tiada had umur dikenakan.</p>
6.	<b>Berapakah tempoh sah laku produk CBP MyDental Care?</b>	<p>CBP MyDental Care merupakan produk langganan tahunan dengan tempoh sah laku selama satu (1) tahun.</p>
7.	<b>Bolehkah saya membatalkan produk</b>	<p>Boleh. Pembatalan adalah dibenarkan tertakluk kepada</p>

	<b>CBP MyDental Care?</b>	tempoh bertenang selama sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh pembelian CBP MyDental Care (“Tempoh Bertenang”).
8.	<b>Bolehkah saya pergi ke panel klinik gigi pergigian tanpa membuat sebarang temu janji?</b>	Tidak boleh. Semua perkhidmatan dan rawatan pergigian haruslah melalui temu janji yang perlu dibuat secara dalam talian.
9.	<b>Siapakah yang menguruskan produk CBP MyDental Care?</b>	Produk CBP MyDental Care diuruskan oleh CBP dengan kerjasama Metafin sebagai penyedia platform serta Inova Care sebagai pengurus rangkaian panel klinik pergigian.
10.	<b>Apakah Terma dan Syarat Penting yang perlu saya ketahui?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Manfaat kebersihan iaitu rawatan asas Scaling &amp; Polishing, terhad kepada satu (1) kali setiap tahun.</li> <li>(ii) Manfaat ini <b>tidak boleh dipindah milik</b>. Hanya pelanggan asal yang berdaftar akan layak mendapat manfaat.</li> <li>(iii) Manfaat akan terhenti pada tarikh luput. Inova Care tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh luput.</li> <li>(iv) Pelanggan harus melalui <b>tempoh menunggu selama 7 hari</b> selepas pembayaran dan pendaftaran berjaya dibuat sebelum membuat temu janji pergigian dengan Panel Klinik Gigi</li> <li>(v) Pelanggan dibolehkan membuat temu janji pergigian dalam talian dengan Panel Klinik Gigi <b>15 hari lebih awal dari tarikh temujanji</b>.</li> <li>(vi) Temu janji tidak boleh dilakukan dalam tempoh <b>15 hari terakhir sebelum tarikh luput</b>. Oleh itu, pelanggan dinasihatkan untuk mengetahui tarikh luput CBP MyDental Care yang dilanggan.</li> <li>(vii) Ujian darah boleh dilakukan secara <i>walk-in</i> di mana-mana cawangan Pathlab di seluruh Malaysia</li> </ul>